

## **RANCANGAN PERNIAGAAN**

**ETR 300**

**DISEDIAKAN UNTUK:**

**PUAN SABARIAH BTE HJ. MAHAT  
PENSYARAH ETR  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
MELAKA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NOR HANA BTE ABD. RAHMAN  
93858266**

**HAMISAH BTE IBRAHIM  
93816541**

**SITI HAWA BTE DAUD  
93853735**

**ZAINIYAH MOHD. DESA  
93864336**

**DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN  
SEMESTER 5**



**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**CAWANGAN MELAKA**  
**MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY**

Tarikh: **19 Januari 1996** Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Surat Tuan:  
Surat Kami: **100-CM(AKA 37/B)** Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,


Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Nor Hana Abd Rahman	93858266
2.	Hamisah Ibrahim	93 816541
3.	Siti Hawa Daud	93853735
4.	Zainiyah Mohd Desa	93864336

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

  
**NASIR NORDIN**  
**Ketua Kursus DBS**  
**ITM Melaka**  
**b/p Pengetua**

**Kumpulan Projek ETR 300**  
Dezain and Decorate Enterprise  
Diploma Pengajian Perniagaan  
Institut Teknologi Mara  
78000 Alor Gajah  
Melaka

**Puan Sabariah Mahat**  
Pensyarah Asas Keusahawanan ( ETR 300 )  
Institut Teknologi Mara  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Assalamualaikum w.b.t.

Puan,

**RANCANGAN PERNIAGAAN DEZAIN AND DECORATE ENTERPRISE**

Merujuk kepada perkara di atas, kami dari kumpulan DnD Enterprise ( syarikat hiasan dalaman ) telah menyiapkan 'Rancangan Perniagaan' untuk matapelajaran Asas Keusahawanan ETR 300 seperti yang dikehendaki.

Kami berharap agar pihak puan dapat menerima idea dari pihak kami ini dan kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas segala kerjasama yang telah diberikan.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,

(Nor Hana Abd. Rahman )

Ketua Kumpulan

Projek Syarikat Hiasan Dalaman ( Dezain and Decorate Enterprise )

**Kumpulan Projek ETR 300**  
**Diploma Pengajian Perniagaan**  
**Institut Teknologi Mara**  
**78000 Alor Gajah Melaka**

**Puan Sabariah bte. Hj. Mahat**  
**Pensyarah Asas Keusahawanan ( ETR 300 )**  
**Institut Teknologi Mara**  
**78000 Alor Gajah**  
**Melaka**

Puan,

### **PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Merujuk kepada perkara diatas, kami

1. **Nor Hana Abd. Rahman**
2. **Hamisah Ibrahim**
3. **Siti Hawa Daud**
4. **Zainiyah Mohd. Desa**


dengan hormatnya menyediakan sebuah 'Rancangan Perniagaan' untuk membuka sebuah syarikat hiasan dalaman iaitu 'Dezain and Decorate Enterprise' yang akan dibuka pada tahun 2001 di Lot 49, First Floor, Terminal 1 Shopping Plaza, Seremban, Negeri Sembilan.


2. Projek ini akan memberi panduan bagi kami untuk merangka apa yang perlu dihadapi dalam perniagaan ini pada masa hadapan.

3. Di sini, kami juga ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada Puan Sabariah Mahat diatas nasihat dan tunjuk ajar beliau dalam menyiapkan tugas kami ini.

Sekian, terima kasih

Yang Benar

  
( Nor Hana Abd. Rahman )  
93858266

  
( Hamisah Ibrahim )  
93816541

  
( Siti Hawa Daud )  
93853735

  
( Zainiyah Mohd. Desa )  
93864336

## **1.0 PENGENALAN**

Dunia perniagaan merupakan satu kegiatan ekonomi yang semakin meningkat. Perniagaan juga merupakan kegiatan yang mencabar dan memerlukan kegigihan , ketahanan, kesabaran dan kesungguhan dalam usaha menjayakan sesuatu rancangan perniagaan. Penelitian yang menyeluruh amat penting bagi menjamin sesuatu kejayaan rancangan perniagaan. Usahawan yang berjaya perlu memeliki sifat-sifat positif seperti kreatif, progresif, inovatif dan inisiatif serta sensetif terhadap perkembangan dunia perniagaan.

Perniagaan perlu mempunyai satu pendekatan yang teratur iaitu pentadbiran yang kemas dalam usaha untuk menghasilkan barang atau perkhidmatan untuk ditawarkan kepada pinjaman. Usaha-usaha ini bukan untuk mengaut keuntungan semata-mata malahan ia juga menitik beratkan qualiti hidup masyarakat dari masa ke semasa.

Sehubungan itu kami telah memilih untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan iaitu sebagai menyahut seruan kerajaan bagi menambahkan bilangan usahawan di kalangan bumiputera. Dengan ini maka tertubuhlah syarikat ***Dezain n Decorate Enterprise( DnD Enterprise )***.